



Tindakan Pencucian Sabun

1




- Kotoran berminyak melekat pada permukaan objek. Sabun melarut dan mengion untuk menghasilkan ion natrium dan ion-ion sabun. Ion-ion sabun bergerak secara bebas di dalam air.

2




- Ion-ion sabun mengikat air dan minyak bersama.
- Bahagian hidrokarbon pada ion sabun adalah hidrofobik dan melarut di dalam minyak/gris manakala bahagian ionik pada sabun adalah hidrofilik dan melarut di dalam air.

3



- Ion sabun mengurangkan ketegangan permukaan air. Maka, ia membenarkan air untuk membasahkan permukaan objek.
- Tindakan ini membenarkan minyak / gris tertanggal daripada permukaan.

4



- Minyak / gris ditanggalkan daripada permukaan sebagai titisan-titisan kecil.
- Titisan kecil minyak / gris yang bercas negatif pada permukaannya menolak antara satu sama lain dan menghalang daripada melekat semula pada permukaan objek.
- Buih-buih yang dihasilkan oleh sabun juga membantu mengapungkan titisan minyak dan kotoran. Pembuangan air teremulsi dan buih semasa pembilasan meningkatkan permukaan yang bersih.